



## Globalisasi industri perikanan: Dampak terhadap komuniti nelayan lokal di pesisiran pantai Kota Makassar, Indonesia

Sudarmono<sup>1</sup>, Junaenah Sulehan<sup>1</sup>, Noor Rahamah Hj Abu Bakar<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Junaenah Sulehan (email: june@ukm.my)

### Abstrak

Industri perikanan telah memberi kesan kepada pendapatan isi rumah dan pola interaksi sosial di kawasan pesisir pantai Kota Makassar. Makalah ini mempunyai dua tujuan, pertama untuk membincangkan pembangunan industri perikanan makro dan kaitannya dengan isu kemunduran dalam kalangan masyarakat nelayan di pesisir Kota Makassar, Indonesia; kedua, memeriksa faktor ekonomi yang mempengaruhi proses pembuatan keputusan dalam kalangan pengeluar, khususnya tentang pasaran eksport ikan dan kesannya ke atas pendapatan nelayan skala kecil. Kedua-dua data primer dan sekunder yang digunakan dalam kajian ini diperolehi melalui kajian luar yang dilakukan di Kota Makassar. Analisis kajian ini mendapati bahawa struktur sosial yang terbentuk dalam kalangan nelayan dan para pengusaha industri perikanan di Kota Makassar telah meletakkan nelayan skala kecil di kedudukan paling rendah dalam proses pengeluaran perikanan. Sedangkan, orang tengah yang mempunyai akses dan kuasa ke atas saluran pemasaran dianggap sebagai *patron* bagi industri perikanan di sini dan lazimnya menduduki status sosial yang tinggi. Tambahan pula, globalisasi telah meninggalkan impak dan melebarkan jurang lagi ketaksamaan sosial dan ekonomi industri tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa pembangunan industri perikanan di keseluruhan masyarakat nelayan di Kota Makassar masih dalam keadaan terencat.

**Katakunci:** eksport, globalisasi ekonomi, industri perikanan, kawasan pesisir, nelayan, ragam pengeluaran

## Globalization of the fishing industry: Its impact on the fishing communities of the coastal area of Makassar City, Indonesia

### Abstract

Fishing activities on the coastal areas of Makassar City has contributed toward the household income and social interactions of the local fisherfolks. This article has two objectives which firstly, aims to discuss the development of fishing industry at the macro level and its implication on issues of development and underdevelopment especially toward the livelihood of the fishing communities here; the second objective examines the economic factors that influence decision making processes among producers, especially related to the fish-export markets and its impact towards the income of the small-scale fishermen. Both secondary and primary data obtained for this study is based on field research which had been conducted in Makassar City. Social stratification formed among the fisher folks and the fishing entrepreneurs in Makassar City had placed the small-scale fishermen at the lower rung of the fishing production, while the middlemen that have access and control of the marketing channels are considered the patron of the fishing industry here and usually of a higher social status. In addition, globalization has an impact which further accentuate the social and economic inequality of the fishing industry, thus, an inevitable indication that the development of the entire fishing communities in Makassar City is still deform.


**Keywords:** coastal areas, eksport, economic globalisation, fishermen, fishing industry, production patterns

## Pengenalan

Perkembangan industri perikanan di Makassar tidak hanya mengetengahkan perbincangan mengenai aktiviti ekonomi, namun kedinamikan sosial di kalangan nelayan sebagai pengeluar dalam industri tersebut menjadi sangat penting untuk diambil kira. Hal ini disebabkan oleh fenomena kemunduran nampak secara ketara dalam kalangan nelayan di Makassar, dan wujud di tengah-tengah pembangunan Kota Makassar yang sangat pesat. Makalah ini bertujuan untuk (i) memerihalkan pembangunan perikanan makro dan kaitannya dengan isu pembangunan serta kemunduran dan (ii) mengetengahkan faktor-faktor ekonomi yang mempengaruhi proses pembuatan keputusan dalam kalangan pengeluar ikan, khususnya yang berkaitan dengan pasaran eksport dan dampaknya terhadap aras ekonomi nelayan kecil.

## Metodologi dan kawasan kajian

Kajian ini dilaksanakan di kawasan Paotere, Kecamatan Ujung Tanah, Kota Makassar (Rajah 1). Pengambilan data untuk menyusun makalah ini dilakukan dengan menggunakan metod pemerhatian ikut serta dan temu bual mendalam terhadap 20 informan yang berkaitan dengan isu kajian. Selain itu, pelbagai data sekunder diperoleh dari pejabat-pejabat yang berkaitan dengan kajian, iaitu Kantor Dinas Kelautan dan Perikanan, Provinsi Sulawesi Selatan dan Kanto Biro Pusat Statistik Kota Makassar.



Rajah 1. Provinsi Sulawesi Selatan

## Hasil kajian

Aktiviti perdagangan laut bagi Makassar sudah tersohor sejak lama dahulu. Terletak di bahagian barat daya Pulau Sulawesi, kota pelabuhan Makassar menempati lokasi yang ideal untuk terlibat di dalam pelbagai tahap perdagangan. Mulai dari pergerakan daerah pantai setempat, melalui lalu lintas perdagangan antara pulau yang sibuk di Jawa, Kalimantan, Maluku, Nusa Tenggara dan Filipina, sampai ke jalur perdagangan jarak jauh yang menghubungkan Eropah, India dan China.

### *Sejarah industri perikanan dan perdagangan di Makassar*

Setelah ditakluk oleh VOC (*Verenigde Oost-Indische Compagnie*), iaitu sebuah syarikat perdagangan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Belanda, untuk mengurusniagakan hasil-hasil komoditi rempah dan produk pertanian lainnya yang diperoleh di Hindia Belanda untuk dijual ke pasaran antarabangsa pada akhir abad ke-17, Kota Makassar mulai mengalami pergolakan dalam aktiviti perdagangannya. Pada mulanya rempah-ratus merupakan komoditi penting perdagangan waktu itu dan ikan bukan komoditi utama. Bagi tujuan memonopoli perdagangan rempah, Makassar dijadikan oleh Belanda sebagai pangkalan bagi mengawasi jalur laut timur (Sutherland, 1987).

Meskipun terdapat usaha syarikat untuk memaksa perdagangan ke jalur-jalur yang menguntungkan VOC, namun sepanjang abad ke-18 dan ke-19, terdapat dua jenis pertukaran barang yang tetap menjadi sumber perekonomian yang tipikal bagi Makassar. Barang tersebut termasuk yang dibawa dari India, terutamanya tekstil dan opium, dibawa ke Nusantara oleh pedagang Asia Barat; manakala para pedagang Inggeris melakukan urus niaga dengan para pedagang Makassar, Mandar, Wajo, dan orang Bugis lainnya dari pelabuhan-pelabuhan seperti Banjarmasin dan Riau dalam perdagangan hamba abdi (khususnya sebelum 1820), selain hasil-hasil hutan dan laut, tekstil lokal atau dolar Sepanyol. Jaringan perdagangan Barat tersebut membentuk satu poros utama perdagangan Makassar. Poros utama lainnya adalah jaringan perdagangan utara yang menjangkau Amoy dan Kanton. Hal ini menyebabkan jejak-jejak perdagangan kaum Cina amat ketara di Makassar (Sutherland, 1987).

Pada 1814, bermulanya ‘perdagangan jung’ bagi Makassar serta pola ekonomi yang lebih luas yang berakar dari awal abad ke-18. Selain itu, setiap tahun jung, sejenis kapal yang digunakan oleh pedagang China Amoy biasanya membawa barang berharga lebih kurang 600,000 rixdsdaalder (rd - rixdollar adalah “satuan wang” yang lazim digunakan untuk mengira cukai pada zaman kolonial Belanda), dan mengeksport komoditi dengan nilai yang sama. Hal itu menghasilkan cukai sekitar 56,000rd, suatu peningkatan yang drastik kerana pada perdagangan abad ke-18 jumlahnya hanya sekitar 6,000rd. Lebih lanjut dijelaskan bahawa perdagangan di Makassar pada masa itu, pada umumnya dilakukan dengan menggunakan perahu paduakang (kapal saiz besar) yang mampu memuatkan 40 hingga 60 koyang (satu koyang bersamaan dua tan), dengan begitu murah dan cekap sehingga diyakini bahawa kegunaan perahu itulah yang menjadi alasan kuat mengapa perdagangan penting masih tetap dilakukan di Makassar. Pada umumnya, peribumi Makassar yang tinggal di kawasan pesisir kurang berminat bertani, namun sangat gemar ke laut. Kepakaran peribumi Makassar mengolah hasil laut khususnya ikan dan timun laut (*sea cucumber*), kecekapan mereka berdagang dan mencari untung seperti juga karakter orang Cina waktu itu, merupakan kombinasi yang sangat asas dalam menempatkan Makassar sebagai kota dagang di rantau ini pada abad ke-19 (Sutherland, 1987).


Perdagangan timun laut di Makassar meningkat bermula pada awal abad ke-17. Para syahbandar VOC amat menyedari betapa pentingnya perdagangan timun laut ke atas lebih bermimat dengan perdagangan tekstil. Perdagangan dan industri timun laut seakan-akan meminggirkkan VOC. Ini menyebabkan perdangannya tersebut semakin sukar dikawal. Jaringan perdagangan kaum Cina telah sedia ada sebelum berkembangnya perdagangan timun laut pada abad ke-18. Pulau-pulau di timur Indonesia telah mengeksport ‘komoditi’ seperti cangkang penyu, lilin dan hamba abdi sejak ratusan tahun sebelum itu. Aktiviti perdagangan tersebut semakin intensif dengan munculnya komoditi teh yang mendapat permintaan tinggi dari Eropah dan kemudiannya timun laut yang mendapat pasaran luas di China.

Pada tahun 1820, hasil laut, khususnya timun laut mula menjadi komoditi utama Makassar. (Vosmaer, 1839 dalam Sutherland, 1987). Penduduk peribumi amat mahir dalam mengering dan mengolah timun laut. Kombinasi antara kepakaran maritim peribumi dan keterampilan dagang orang Cina berdagang mencetuskan hubungan perdagangan yang rapat antara Makassar dan China. Aktiviti perdagangan di Makassar semakin berkembang pesat pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19. Namun pengaruh VOC juga semakin kuat. VOC menekan Makassar dengan menerapkan pebagai peraturan, hukuman dan denda kepada pedagang-pedagang dari China. Kegemilangan Makassar menurun pada tahun 1819, apabila Singapura mengukuhkan peranannya sebagai pelabuhan besar. Pelbagai komoditi dari nusantara dibawa ke China melalui Singapura, bukan melalui Makassar (Sutherland, 1987). Selain itu, beberapa pelabuhan lain di Indonesia timur juga turut dibina, iaitu pelabuhan Ambon, Surabaya dan Semarang. Pada tahun 1820, kemerosotan dan kemunduran

Makassar semakin ketara apabila berlakunya kemerosotan dalam penjualan tekstil akibat penyeludupan, cukai yang tidak dibayar, persetongkolan antara pedagang Inggeris dan China dengan pedagang tempatan, serta kemiskinan yang semakin ketara dalam kalangan masyarakat peribumi. Perdagangan kaum Cina di Makassar sangat lemah sehingga tidak mampu bersaing dengan pedagang lain di kota niaga baru yang berhubungan langsung dengan Eropah dan China. Keadaan ini memaksa pemerintahan di Makassar pada akhir dekad 1820-an mencari suatu formula baru untuk memulihkan perdagangan dan kestabilan ekonomi kota Makassar. Namun demikian, kemajuan yang berlaku di Singapura dan Sulu terus memberi tekanan kepada kemunduran aktiviti perdangangan di Makassar (Mohd. Raduan, 2006).


#### *Perkembangan dan isu industri perikanan di Kota Makassar masa kini*

Pembangunan industri perikanan di Kota Makassar memainkan peranan yang amat penting, sama ada dari segi ekonomi maupun secara ekologi. Pada tahun 2009, pengeluaran ikan di Makassar mencecah 14,059.70 tan metrik, dengan nilai pengeluaran berjumlah kira-kira RM27,574,874.3 (Rajah 2). Kawasan yang menjadi pangkalan penangkapan ikan di Kota Makassar ialah Kecamatan Ujung Tanah. Jumlah pengeluaran ikan di Kecamatan Ujung Tanah adalah yang terbesar, iaitu 28% daripada jumlah pengeluaran ikan di Kota Makassar tahun 2009 (Biro Pusat Statistik, 2010). Meskipun industri perikanan memainkan peranan yang penting, namun ia tidak memberikan dampak positif ke atas kesejahteraan komuniti yang tinggal di kawasan pesisir dan bergantung kepada sektor perikanan sebagai sumber pendapatan. Malahan, peratusan komuniti miskin di Makassar yang tinggal di kecamatan terletak di kawasan pesisir cukup tinggi (Rajah 3). Peratusan penduduk miskin yang tinggal di kawasan pesisir melebihi purata peratusan penduduk miskin di Kota Makassar secara keseluruhannya. Peratusan tertinggi terdapat di Kecamatan Ujung Tanah (11.14 %).



Sumber: Biro Pusat Statistik Kota Makassar, 2010

**Rajah 2.** Pengeluaran ikan di Makassar



Sumber :Biro Pusat Statistik Kota Makassar, 2009

**Rajah 3.** Bilangan penduduk miskin Kota Makassar tahun 2008

Dampak daripada pasaran antarabangsa dan pelaburan industri perikanan di Kota Makassar telah mempengaruhi perkembangan teknologi perikanan, transformasi sosial dalam kalangan pengeluar ikan perikanan serta perubahan kualiti persekitaran (Meltzer & Chang, 2006). Usaha penangkapan ikan di Kota Makassar amat disokong oleh pelabuhan pendaratan dengan klasifikasi Pangkalan Pendaratan Ikan (PPI). PPI Paotere adalah pangkalan pendaratan ikan yang sangat penting bagi industri perikanan di Makassar. Oleh sebab itu, di sekitar kawasan Paotere terdapat banyak kilang-kilang perikanan skala besar, aktiviti perniagaan, perkampungan nelayan dan pelabuhan tentera. Kilang-kilang tersebut mempunyai buruh dalam jumlah yang besar, sehingga menyebabkan kawasan Paotere tumbuh menjadi kawasan pembangunan yang sukar dikendalikan oleh pemerintah Kota Makassar. Selain menjadi pangkalan bagi pendaratan ikan, Paotere juga telah menjadi tempat melelong ikan bagi masyarakat tempatan. Bagi nelayan kecil, ia juga berperanan untuk memasarkan hasil tangkapan sendiri, tanpa melibatkan pihak lain. Nelayan berskala besar pula, umumnya mengusahakan penangkapan mengikut piawai korporat yang moden.

Pembangunan industri perikanan di Makassar ditandai dengan pelbagai faktor ekonomi yang mencetuskan pembangunan dan kemunduran dalam kalangan pengeluar ikan. Antara faktor yang mempengaruhi proses pembuatan keputusan dalam kalangan pengeluar ikan di Makassar adalah pemilikan jentera penangkapan, penguasaan teknologi perikanan dan hubungan sosial dalam kalangan pengeluar itu sendiri.

#### *Globalisasi industri perikanan di Kota Makassar*

Permintaan komoditi perikanan dari kawasan Asia Tenggara bagi pasaran global adalah sangat besar. Jepun, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah sebagai contoh merupakan negara-negara yang mengimport komoditi tersebut dalam jumlah yang sangat banyak. Kajian yang pernah dilakukan mengenai industri perikanan di kawasan Asia Tenggara menunjukkan bahawa sektor swasta adalah pihak yang paling banyak mendapat keuntungan. Contohnya adalah Charoen Pokphand (CP Group), sebuah syarikat multinasional yang berkerjasama dengan Mitsubishi telah mengeksport keluar udang sebagai komoditi antarabangsa. Usaha ini sangat menguntungkan. CP Group menternak secara aquakultur. CP Group setakat ini memiliki tiga pusat ternakan akuakultur udang dan kilang pemprosesan, iaitu CP Feed Mills, CP Aquaculture dan CP Intertrade, dengan urus niaga di China, India, Indonesia (termasuk Makassar), Thailand dan Vietnam. CP Feed Mills merupakan kilang terbesar di kawasan tersebut, manakala CP Aquaculture dan CP Intertrade berfungsi memastikan bahawa CP Group terlibat secara sepenuhnya dalam rantai pengeluaran, mulai dari proses pembekalan makanan dan baka udang sehingga pelbagai produk udang untuk pasaran antarabangsa (Kagawa, 2003). CP Group mengendalikan 18% daripada eksport udang Thailand (Sithhipong Panich, 2001); dan 60% daripada pasaran makanan yang bahan asasnya udang. CP Group juga memiliki 31% saham daripada salah satu kilang akuakultur udang terbesar di Indonesia, PT. Central Pertiwi Bratasena (PT. CPB). PT. CPB adalah salah satu daripada tiga kilang yang mengendalikan 90% daripada jumlah eksport udang. Ketiga kilang yang terlibat ini disebut sebagai *Nucleus-Estate Smallholder Scheme* (NESS), suatu bentuk kontrak pertanian di mana kilang (nucleus) tidak memiliki kolam secara sebenar, tetapi menyediakan kemudahan kredit kepada petani berskala kecil sebagai modal, seperti untuk pembelian, pembinaan dan pengolahan kolam, manakala hasil daripada kolam dikendalikan oleh kilang, termasuk harga pembelian (Siregar, 2003).

Kejayaan PT. CPB telah mendorong banyak korporat multinasional yang lain untuk melabur dalam subsektor ini. Ini adalah bukti yang cukup nyata tentang penembusan Kapitalisme di subsektor perikanan yang melibatkan modal asing dan komuniti tempatan sebagai pekerja. Pernakan udang merupakan bahagian penting dalam proses pengeluaran produk yang berkaitan dengannya. Dengan cara ini, kilang-kilang besar boleh mengakses tanah milik awam untuk membina kolam-kolam ikan. Mereka menggunakan kemudahan kredit daripada pemerintah dan berdalih untuk membantu petani berskala kecil. Kaum Kapitalis mulai mengendalikan proses pengeluaran udang dengan menggunakan pola penguasaan melalui skema kredit kepada petani, tanpa perlu menanggung risiko pelaburan dan kos pembinaan kolam. Ini cukup ironi kerana dana yang digunakan adalah berasal daripada pinjaman untuk tujuan pembangunan yang dipinjam daripada lembaga kewangan antarabangsa, dan ditadbirkan untuk disalurkan kepada petani berskala kecil. Secara ringkas, bilangan “emain” yang terlibat dalam

pasaran eksport hanyalah sedikit, namun barang lebih banyak dieksport keluar negara. Keuntungan yang diperoleh sangatlah besar, namun sangat sedikit yang boleh dinikmati oleh komuniti tempatan (Van Mulekom et al., 2006: 554).

### **Pembangunan perikanan kontemporari di Makassar: Perbincangan teoretikal**

Peluasan pasaran eksport telah meningkatkan eksploitasi sumber perikanan di kawasan Selat Makassar dan kawasan perairan Sulawesi. Pengeluaran hasil laut dan potensi pembangunan komoditi ini untuk pasaran eksport masih cukup besar. Pembangunan eksport perikanan di Makassar sebenarnya dipacu oleh beberapa daya. Daya tersebut termasuklah: faktor ekonomi seperti permintaan pasaran antarabangsa, modal kewangan, ketentuan harga pasaran serta hubungan antara penjual dan pembeli, keadaan politik dalam negara dan struktur sosial yang terbentuk dalam industri perikanan (Meltzer & Chang, 2006).

#### *Hubungan ekonomi dan pembentukan kelas sosial*

Permintaan pasaran terhadap ikan keluaran Makassar adalah dari Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan negara-negara Asia. Eksport komoditi perikanan Makassar termasuk tuna, kerapu dan udang serta jenis komoditi lainnya mengalami harga yang turun-naik setiap minggu, bahkan setiap hari. Harga komoditi tersebut tidak hanya bergantung pada hubungan antara penawaran dan permintaan, tetapi juga dipengaruhi oleh teknik pemasaran, harga, kualiti dan persepsi pengguna. Jenis dan ukuran komoditi yang ramai diminati dalam pasaran dapat menyebabkan berlakunya kekurangan yang berdampak kepada meningkatnya harga di pasaran (Van Mulekom, 1999).

Sebagai sebuah komoditi untuk pasaran antarabangsa, penguatan harga mata wang negara pengimpor juga turut mempengaruhi penentuan harga. Pada tahun 2000, Amerika Syarikat mengimpor 760.8M paun (1,675.8 kg) udang daripada Mexico dengan harga melebihi US\$3.8 bilion. Jumlah komoditi udang yang diimport adalah 37% daripada seluruh komoditi perikanan yang diimport. Udang diimport daripada lebih 50 buah negara untuk memenuhi permintaan pengguna udang Amerika Syarikat. Setidaknya, 60% daripada seluruh restoran di Amerika Syarikat menyediakan pelbagai jenis udang dan 20% daripada jumlah makanan laut mengandungi udang (Ocean Garden Product, 2002). Selanjutnya, diikuti oleh ikan *tuna kaleng*. Namun demikian, udang amat disukai, bahkan mencecah 50% daripada seluruh makanan laut yang dijual secara runcit di Amerika Syarikat.

Pasaran eksport perikanan tidak pernah terlepas daripada pola perilaku penggunaan dan permintaan dari negara-negara pengimpor. Hal ini sangat mempengaruhi pola pengeluaran dan penjualan komoditi perikanan yang melibatkan seluruh pengeluar perikanan, daripada nelayan kecil sehingga perusahaan pengeksport. Untuk lebih memahami pola pengeluaran tersebut, maka rantai penangkapan dan penjualan harus dijelaskan. Daripada rantai pengeluaran perikanan, hubungan antara pemilik kapal dan awak-awak adalah yang paling kritikal. Awak-awak yang tugasnya semasa di laut menangkap ikan adalah yang paling berdampak kepada pendapatan isi rumah awak-awak kapal. Ini diikuti dengan pihak berkuasa melalui Dinas Kelautan dan Perikanan yang membuat pemantauan dan kawalan terhadap proses penangkapan dan kualiti produk sebelum dieksport. Piawaian kualiti produk ditentukan oleh negara pengimpor. Selain untuk menjaga kualiti, ia juga untuk memastikan komoditi tersebut bertahan dalam pasaran antarabangsa dengan nilai jualan yang tinggi. Piawaian tersebut meliputi semua proses penangkapan, penyimpanan dan proses asas. Peranan pemilik kapal dan awak-awak kapal menangkap ikan juga termasuk di dalam proses ini. Proses ini sangat penting, kerana risiko yang mungkin terjadi sangat tinggi dan sangat berdampak kepada menurunnya nilai jualan hasil tangkapan. Piawaian yang ditentukan oleh negara pengimpor juga memerihalkan jenis alat tangkap yang memenuhi kriteria untuk diimport, cara penyimpanan semasa masih di kapal, dan pemisahan kepada jenis-jenis ikan. Dalam proses ini, sering kali nelayan penangkap tidak mengikuti secara teliti kriteria yang telah ditentukan. Ikan yang telah diproses secara teliti dan memerlukan kepakaran tertentu harus dijual untuk pasaran tempatan sahaja. Margin yang diperoleh oleh nelayan penangkap akan berkurangan.

Apabila meneliti keadaan yang berlaku, dapat disimpulkan bahawa nelayan akan mendapat kerugian. Namun sesungguhnya, terdapat satu alternatif penjualan yang boleh membantu nelayan untuk keluar daripada kemungkinan menghadapi kerugian. Nelayan penangkap akan menghubungi *supplier* (dikenali dalam kalangan nelayan sebagai *punggawa* yang lebih membawa maksud orang tengah), untuk ‘membantu’ nelayan menjual hasil tersebut. *Supplier* tersebut akan mencari pembeli. Biasanya, *supplier* akan membantu menjual ikan hasil tangkapan kepada pembeli yang tidak mengetahui proses yang berlaku selama masa penangkapan. Apabila komoditi tersebut berhasil dijual, maka *supplier* akan mendapatkan margin yang mereka tentukan sendiri, tanpa diketahui oleh nelayan penangkap dan pembeli.

Sering kali, hubungan antara *supplier* dengan nelayan yang bekerja menangkap ikan di laut lebih bersifat hubungan secara ekonomi sebagai akibat daripada proses pengeluaran. Mereka tidak hanya berinteraksi dalam hubungan ekonomi yang dianggap saling menguntungkan kedua-dua pihak, akan tetapi juga bersifat hubungan yang saling melindungi. Nelayan yang bekerja menangkap ikan di laut memerlukan *supplier* untuk menjual ikan kepada pengeksport, manakala *supplier* mendapatkan margin atas khidmatnya menjualkan ikan. Oleh itu, sistem bagi hasil adalah pemboleh ubah yang sangat menentukan pendapatan pihak masing-masing. Pelbagai penyelidikan tentang hal ini menunjukkan bahawa agihan pendapatan bagi setiap hasil tangkapan sering kali tidak adil dan tak seimbang antara pemilik kapal dan awak-awak kapal. Umumnya, hasil yang diperoleh dibahagikan dalam perkiraan 50% untuk pemilik kapal dan 50% bagi awak-awak kapal. Namun demikian, bahagian yang diperoleh oleh awak-awak mesti dibahagi lagi kepada sejumlah awak-awak kapal yang terlibat dalam kerja penangkapan. Semakin ramai awak-awak yang terlibat, maka semakin kecil pula pendapatan yang mereka perolehi (Mulyadi, 2007).

Pemasaran dalam perikanan berskala besar adalah hal yang sangat utama. Umumnya, perikanan global telah membentuk suatu rantaian pengeluaran yang bekerja secara bersepudu dan terintegrasi ke dalam sistem perdagangan. Setiap bahagian daripada rantaian pengeluaran ini amat bergantung kepada kepakaran masing-masing nelayan. Isu yang timbul di sini adalah apabila kepakaran yang dimiliki oleh nelayan buruh sering kali dianggap tidak sesuai dengan piawai kerja nasional mahupun global, sehingga mereka diberikan upah yang lebih rendah. Perbezaan ini akhirnya mewujudkan suatu keadaan di mana tercipta pelbagai lapisan sosial mengikut kepakaran masing-masing (Siswanto, 2008).

Struktur kelas yang wujud telah menempatkan nelayan buruh sebagai kelas bawah sehingga menyebabkan rendahnya posisi tawar-menawar (*bargaining position*) nelayan kecil. Hal ini tidak sebanding dengan risiko pekerjaan yang sangat tinggi. Pada musim penangkapan yang baik, nelayan dapat memperoleh ikan yang sangat banyak, meskipun harga ikan biasanya sangat murah. Jika berlaku musim tengkujuh, maka nelayan mungkin tidak mendapat ikan, sedangkan harganya sangat tinggi. Pada saat harga ikan menjadi murah, atau tidak memperoleh hasil tangkapan, maka ”hutang sudah menunggu”.

Terbentuknya kelas-kelas dalam struktur sosial dalam kalangan nelayan menunjukkan wujudnya sesuatu kekuasaan, sama ada kekuasaan yang bersumber daripada kemampuan kewangan, mahupun kekuasaan informal untuk mengendalikan perkhidmatan. Kedua kes ini juga menunjukkan adanya kapitalisme di kumpulan nelayan kaya dan ketiadaan kuasa (*powerlessness*) dan kerapuhan (*vulnerability*) di dalam kumpulan nelayan kecil. Secara umumnya, dapat dikatakan bahawa rendahnya penguasaan nelayan kecil terhadap faktor-faktor pengeluaran telah menempatkan nelayan kecil dalam kelas sosial yang rendah, sehingga formasi sosial yang terbentuk menempatkan nelayan sebagai kaum yang lemah.

Dalam perspektif neo-Marxist, ketakseimbangan kelas yang terbentuk di dalam proses pembangunan adalah disebabkan oleh pengaruh kemasukan gerak kuasa luaran, pemodal Kapitalis yang kebanyakannya warga asing. Penembusan gerak kuasa ini telah membentuk hubungan struktural yang menghambat pengintegrasian kelompok marginal secara tuntas ke dalam sistem ekonomi kota. Keadaan ini telah mencetuskan fenomena di mana kelompok masyarakat yang terpinggir dalam sistem pengeluaran Kapitalis berpaut pada aktiviti kecil-kecilan untuk kelangsungan hidup mereka. Kelompok ini telah mempergiatkan aktiviti ekonomi dalam bentuk pertukaran tradisional dan mengalami hubungan pengeluaran yang bersifat eksplotatif dan tertekan dalam lingkungan sistem pengeluaran kapitalis (Junaenah Sulehan, 2001)

### Faktor yang mempengaruhi pembuatan keputusan dalam proses penangkapan ikan

Realiti sosial nelayan di pesisir pantai Kota Makassar boleh dikenal pasti melalui penglibatan mereka dalam pelbagai ragam pengeluaran yang diceburi. Menggunakan perspektif ragam pengeluaran, bahagian ini cuba mengetengahkan faktor yang mempengaruhi proses pembuatan keputusan dalam gerak kuasa pengeluaran (*force of production*) ikan dan hubungan sosial pengeluaran.

Sebagaimana yang telah dibincangkan oleh para sarjana, ragam pengeluaran adalah gabungan gerak kuasa pengeluaran dan hubungan sosial pengeluaran. Komponen gerak kuasa pengeluaran terdiri atas tenaga kerja, alat-alat pengeluaran, bahan baku, teknologi pengeluaran, pengurusan pengeluaran (*management of production*) dan juga modal kewangan. Hubungan pengeluaran merujuk kepada struktur sosial yang mengatur saling-kaitan antara sesama manusia yang dalam satu proses pengeluaran sama ada barang atau perkhidmatan yang diperlukan manusia (Satria, 2001). Perbincangan di sini adalah tentang ragam pengeluaran yang diceburi oleh nelayan, sama ada yang masih bersifat tradisional (non-Kapitalis) mahupun yang bersifat Kapitalis.

#### a. Tenaga kerja

Aktiviti perikanan berskala besar biasanya ditandai oleh tenaga kerja yang lebih banyak dan memiliki kepakaran tertentu. Bagi sektor perikanan tradisional ikatan emosi dalam kalangan nelayan terabit masih kuat (Dyer, 1990). Dyer (1990) juga mendapat bahawa sumber marin dieksplotasi melalui sistem patron-klien. Perekutan rakan untuk dilatih bekerja dalam penangkapan ikan sering dilakukan dalam kalangan keluarga atau saudara-mara (*extended family*). Keadaan yang sama juga berlaku di Kota Makassar di mana perekutan tenaga kerja berdasarkan kepada hubungan kedekatan kekeluargaan.

#### b. Teknologi penangkapan

Laut adalah terbuka untuk semua sehingga mengakibatkan terjadinya persaingan antara nelayan berskala kecil dengan nelayan berskala besar. Nelayan berskala kecil menggunakan perkakas penangkapan yang sederhana dan kurang berkesan, sehingga mereka selalu kalah. Dengan sistem penangkapan yang lazimnya bersifat tradisional hasil tangkapan mereka relatif rendah. Malah mereka juga terpaksa bergantung kepada peralatan moden seperti peti sejuk, tempat penyimpanan ikan dan alat mengawetkan ikan yang belum terjual yang dimiliki oleh nelayan skala besar. Nelayan skala kecil juga tidak mempunyai akses kepada teknologi perikanan moden. Pada masa ini bekalan sumber ikan semakin merosot dan nelayan perlu berusaha lebih keras serta menerapkan peralatan yang menggunakan teknologi moden yang mahal untuk mengesan kawasan yang banyak ikan. Sumber perikanan masa kini sangat dinamis. Ikan boleh berpindah-randah dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain. Selain itu, untuk melakukan aktiviti penangkapan, nelayan memerlukan pelbagai kemudahan dan bekalan berupa makanan, bahan bakar dan ubat-ubatan bagi menyokong mereka selama berada di laut. Ini memerlukan belanja yang tinggi.

Umumnya, para nelayan kecil masih mengalami ketergantungan teknologi penangkapan. Dengan menggunakan alat penangkapan yang tradisional, maka wilayah penangkapan mereka sangat terbatas di persekitaran pantai, sempit, terhad dan tidak dapat pergi ke laut dalam. Selain itu, ketergantungan terhadap musim adalah sangat tinggi sehingga tidak setiap saat nelayan boleh turun melaut, terutama pada musim tengkujuh ketika ombak sangat tinggi. Keadaan ini boleh berlangsung selama lebih daripada satu bulan. Akibatnya, hasil tangkapan yang menjadi amat terhad, keadaan ini sangat merugikan nelayan. Pendapatan bulanan nelayan akan menjadi lebih rendah.

Sebaliknya bagi nelayan skala besar, keupayaan untuk mengakses dan menerapkan teknologi moden ke dalam aktiviti penangkapan ikan membolehkan mereka mendapat hasil tangkapan yang lebih banyak serta lebih berjaya dalam memasarkan hasil-hasil tangkapan ke pasar yang lebih besar. Menurut Mulyadi (2007), pemasaran merupakan aspek yang penting dalam kehidupan nelayan. Akses terhadap pemasaran kerap kali tidak dapat dijangkau oleh nelayan skala kecil, khususnya para nelayan yang tinggal di pulau-pulau. Hal ini berlaku di persekitaran pulau-pulau di kawasan pesisir Kota Makassar. Di sisi lain, kondisi ikan yang mudah rosak merupakan masalah besar yang dihadapi nelayan. Kewujudan teknologi penyimpanan dan pengawetan moden boleh membantu nelayan memasarkan ikan ke tempat yang lebih jauh termasuk ke luar negara.

### c. Hubungan sosial pengeluaran

Selain dipengaruhi oleh gerak kuasa pengeluaran, proses pembuatan keputusan juga sangat dipengaruhi oleh hubungan sosial pengeluaran, iaitu suatu struktur yang mengatur hubungan antara manusia dalam proses pengeluaran. Komponen daripada hubungan sosial ini adalah struktur kelas, kemajuan, kekuatan dan kecekapan pengeluaran (Althusser & Balibar, 1970; Hindes & Hirst, 1975; Jomo, 1988; Satria, 2001).

Sesungguhnya, nelayan bukanlah suatu entiti tunggal, mereka terdiri daripada pelbagai kumpulan. Kemasukan Kapitalis yang bermodal besar telah membentuk struktur dalam komuniti nelayan. Tahap pemilikan peralatan dalam komuniti nelayan membolehkan mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu nelayan buruh, nelayan juragan dan nelayan berseorangan. Nelayan buruh adalah nelayan yang bekerja dengan menggunakan peralatan penangkapan milik orang lain. Sebaliknya, nelayan juragan adalah nelayan yang memiliki alat tangkap tetapi disewa atau digunakan oleh orang lain dan lazimnya mereka ini adalah golongan pemodal. Nelayan berseorangan adalah nelayan yang memiliki peralatan tangkap sendiri dan aktiviti penangkapannya tidak melibatkan pihak lain (Firth, 1990; Ishak Shari, 1990; Mulyadi, 2007). Ketiga-tiga kumpulan ini membentuk masyarakat yang nelayan pesisir di Kota Makassar. Majoriti nelayan adalah nelayan buruh bekerja sebagai awak-awak. Golongan ini kebanyakannya berkeadaan miskin.

## Kesimpulan

Industri perikanan di Kota Makassar telah berkembang sejak zaman kolonial, zaman bermulanya perdagangan antarabangsa terutamanya dengan negara Barat. Globalisasi ekonomi telah mencetuskan kemasukan pemodal Kapitalis yang menguasai gerak kuasa pengeluaran yang secara beriringan menyebabkan berlakunya kemunduran dalam kalangan nelayan kecil. Kemunduran tersebut dicirikan oleh ketakkuasaan nelayan kecil, khususnya awak-awak, iaitu buruh yang tidak mampu mengakses modal bagi memperbaiki kehidupan mereka. Penguasaan jentera penangkapan yang berkapasiti besar, yang umumnya dikuasai oleh golongan pemodal dengan sokongan nelayan buruh menguasai industri perikanan di Kota Makassar. Nelayan berskala kecil, khususnya nelayan buruh terus tertekan menyebabkan mereka dalam keadaan mundur. Kemunduran bererti lemahnya posisi tawar-menawar nelayan di dalam hubungan sosial pengeluaran perikanan.

Secara teorinya, industri perikanan di Kota Makassar dalam era ekonomi global telah membentuk struktur sosial: golongan pemodal yang merupakan pemilik kapal, orang tengah dan nelayan buruh. Penguasaan pemodal asing dan orang tengah sangat ketara sekali. Proses pembuatan keputusan dalam penangkapan ikan banyak dipengaruhi oleh gerak kerja luaran tersebut. Faktor-faktor yang mempengaruhi proses pembuatan keputusan dalam kalangan nelayan umumnya boleh dikaitkan dengan hal seperti: (1) tenaga kerja, (2) teknologi penangkapan, dan (3) hubungan sosial pengeluaran. Besarnya pengaruh orang tengah yang mendominasi proses buat-putusan dalam kalangan nelayan telah memberi kesan kepada rendahnya ekonomi nelayan kecil. Selain pemodal, orang tengah sangat menguasai gerak kuasa pengeluaran, iaitu tenaga kerja dan teknologi penangkapan. Selain itu, hubungan sosial pengeluaran dalam kalangan nelayan sangat didominasi oleh orang tengah. Orang tengah menjadi pemboleh ubah yang sangat dominan dalam menentukan hala tuju pemasaran, manakala nelayan hanya mengikut kepada keadaan yang telah ditentukan oleh orang tengah. Meskipun perdagangan perikanan global amat ditentukan oleh saiz modal, justeru menentukan kapasiti kapal dan jentera penangkapan, namun kepenglibatan nelayan buruh dalam setiap operasi penangkapan juga adalah sesuatu yang sangat penting. Namun golongan inilah yang paling terdampak oleh proses globalisasi industri perikanan di Kota Makassar.

## Rujukan

- Althusser L, Balibar E (1970) *Reading capital*. New Left Book, London.  
Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia (2010) *Laporan hasil pemeriksaan dana jaminan kesehatan masyarakat Kota Makassar tahun 2009*. Tidak diterbitkan.

- Badan Pemberdayaan Masyarakat Kota Makassar (2009) *Laporan data jumlah penerima asuransi kesehatan masyarakat miskin tahun 2008*. Tidak diterbitkan.
- Biro Pusat Statistik Kota Makassar (2010) *Kota Makassar dalam angka tahun 2009*. Biro Pusat Statistik, Makassar.
- Biro Pusat Statistik Kota Makassar (2009) *Kota Makassar dalam angka tahun 2008*. Biro Pusat Statistik, Makassar.
- Dyer CL (1990) *Sharing the fishing: Resource utilization and kinship cooperation in three Mexican artisanal community* (PhD dissertation). Arizona State University.
- Firth R (1990) *Nelayan Melayu, ekonomi tani mereka*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hindess B, Hirst P (1975) *Pre-capitalist mode of production*. Routledge & Keegan Paul, London.
- Ishak Shari (1990) *Ekonomi nelayan, pengumpulan modal, perubahan teknologi dan pembezaan ekonomi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Jomo Kwame Sundaram (1988) *Pembangunan ekonomi dan kelas sosial di Semenanjung Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Junaenah Sulehan (2001) Penglibatan komuniti tani dalam perdagangan kecil-kecilan di Bahagian Kuching dan Samarahan, Sarawak (PhD dissertation). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kagawa M (2003) Trade linkages: Examining Japan's ties with Thailand and Vietnam. In: de la Torre I, Barnhizer Barnhizer D (eds) *The blues of a revolution*. ISA Net/APEX, Seattle, USA.
- Meltzer L, Chang JO (2006) Export market influence on the development on the Pacific shrimp fishery of Sonora, Mexico. *Ocean and Coastal Management* **49**, 222-235.
- Mohammad Raduan Mohd. Ariff (2006) *Perusahaan perikanan di Sabah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mulyadi (2007) *Ekonomi kelautan*. Pt. Raja Grafindo Persada, Jakarta.
- Ocean Garden Product Inc. (2002) [Cited 25 April 2010]. Available from: [www.oceangarden.com](http://www.oceangarden.com).
- Satria A (2001) *Dinamika modernisasi perikanan: Bentukan masyarakat dan mobilitas nelayan*. Humaniora Utama Press, Bandung.
- Siswanto B (2008) *Kemiskinan dan perlawanannya kaum nelayan*. Laksbang Mediatama, Malang.
- Siregar RP (2001) Indonesian shrimp farming policies. In: FoEi, LRC-KsK (eds) *Globalization, trade, and the people of Asia and the Pacific*. Legal Rights Center, Quezon City, Philippines.
- Sitthipongpanich T (2001) The Thai frozen shrimp industry. Industry note: Food and agribusiness research.
- Sutherland H (1987) Timun laut dan perahu wangkan perdagangan Makassar dengan China pada abad ke-18 (kl. 1720-an – 1840-an). In: Roger Tol et al. (eds) *Kuasa dan usaha di masyarakat Sulawesi Selatan*, pp. 99–105. KITLV, Jakarta.
- Van Mulekom L (1999) An institutional development process in community based coastal resource management: Building the capacity and opportunity for community based co-management in a small-scale fisheries community. *Ocean & Coastal Management* **42**, 1-22.